

# PRIME C CHEWABLE TABLET 100MG

Vitamin C (100mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Prime C*
2. Bagaimana *Prime C* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Prime C*
4. Cara menggunakan *Prime C*
5. Semasa menggunakan *Prime C*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Prime C*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Prime C*

Ia digunakan sebagai suplemen vitamin C.

## Bagaimana *Prime C* berfungsi

Vitamin C adalah penting dalam pembentukan kolagen dan bahan sel dalam badan, dalam pertumbuhan tulang rawan, tulang dan gigi, serta pemesyembuhan daripada luka.

## Sebelum menggunakan *Prime C*

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil *Prime C* jika terdapat alahan kepada sebarang bahan-bahan yang terkandung dalam *Prime C*. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum menggunakan *Prime C*

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika pernah mempunyai masalah batu dalam buah pinggang, kandungan tinggi asid oksalik dalam air atau pengumpulan asid oksalik dalam badan.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Penggunaan bersama dengan salicylates (ubat untuk melegakan sakit), barbiturates (sedatif) dan primidone (anti-konvulsi) mungkin meningkatkan pembuangan asid askorbik dalam air kencing.

## Cara menggunakan *Prime C*

### - Berapa banyak harus digunakan

1 tablet dikunyah atau dihisap sehari. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan *Prime C*

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Prime C*.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan memberi *Prime C* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Dos tinggi tidak disyorkan tanpa nasihat doktor.

## Kesan-kesan sampingan

Pada amnya, *Prime C* adalah senang diterima. Walaupun demikian, sila jumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers terus

kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web

[npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Prime C*

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet kunyah bulat, dwi-cembung, berwarna dan berperisa oren.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: ascorbic acid and sodium ascorbate
- Bahan tidak aktif: cornstarch, gelatin, mannitol, sodium benzoate, sunset yellow lake, aspartame, orange flavour, colloidal silicon dioxide, magnesium stearate.

### - Nombor MAL

MAL19930617XZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

10/04/2017

## Nombor siri

BPFK(R4/1)100417/00071